

**SATU TINJAUAN BUDAYA PEMAKAIAN SELUAR JEANS DI KALANGAN
MAHASISWA DAN MAHASISWI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS
ALOR GAJAH, MELAKA (KESAN DAN PENGARUH).**

**ABD. RAZAK BIN ABD. RAHMAN
96596339**

**PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA
SENI LUKIS DAN SENI REKA (SENI REKA GRAFIK)
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS ALOR GAJAH
OKT 2000**

**SATU TINJAUAN BUDAYA PEMAKAIAN SELUAR JEANS DI KALANGAN
MAHASISWA DAN MAHASISWI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA
(KESAN DAN PENGARUH).**

**ABDUL RAZAK BIN ABDUL RAHMAN
96596339**

Tesis ini ditujukan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Seni Lukis dan Seni Reka.

**W. MUHAMMAD ZULKIFLI W. AHMAD
LECTURER**

1. Diperiksa oleh **FACULTY OF ART AND DESIGN
UNIVERSITY TECHNOLOGY MARA** Tarikh *14/8/2000*
MELAKA CAMPUS
2. Diperiksa oleh **78000 ALOR GAJAH, MELAKA** Tarikh
3. Diluluskan oleh Tarikh

Dekan
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

JADUAL ISI KANDUNGAN

Muka surat

Halaman pemeriksa	ii
Penghargaan	iii
Jadual isi kandungan	iv
Senarai ilustrasi dan gambar rajah	vii
Lampiran	ix
Sinopsis	x
Bab 1 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan penyelidikan	3
1.3 Objektif	3
1.4 Hipotesis	4
1.5 Kesignifikan / kepentingan kajian	4
1.6 Jadual perancangan kerja	5
1.7 Metodologi	7
1.6.1 Data primer	
1.6.2 Data sekunder	
1.8 Masalah penyelidikan	13
Bab 2 Penulisan dan penyelidikan yang berkaitan	
2.1 Sejarah awal pelopor seluar <i>jeans</i>	14
2.2 Bermulanya pengaruh seluar <i>jeans</i>	26
2.3 Sejarah penubuhan UiTM Kampus Melaka	34

Bab	3	Analisis data	
3.1	Jumlah warga kampus UiTM Melaka	42	
	3.1.1 Warga kerja UiTM		
	3.1.2 Mahasiswa / wi		
3.2	Jenama seluar <i>jeans</i> paling digemari	44	
	3.2.1 Penuntut Siswa		
	3.2.2 Penuntut Siswi		
3.3	Harga seluar <i>jeans</i> di pasaran	50	
3.4	Warna-warna seluar <i>jeans</i>	52	
3.5	Jenis-jenis potongan seluar <i>jeans</i>	55	
Bab	4	Pemakaian seluar <i>jeans</i> di UiTM	
4.1	Faktor pemakaian seluar <i>jeans</i> (<i>denim sahaja</i>)	57	
4.2	Perbandingan seluar <i>jeans</i> dengan seluar tempah	63	
4.3	Kekerapan pemakaian seluar <i>jeans</i> di UiTM	67	
	4.3.1 Penuntut siswa		
	4.3.2 Penuntut siswi		
Bab	5	Kesan pemakaian seluar <i>jeans</i>	
5.1	Kesan pemakaian seluar <i>jeans</i>	70	
5.2	Kesan pemakaian seluar <i>jeans</i> ke atas peraturan dan sahsiah rupa diri penuntut UiTM	75	
	5.2.1 Kesan positif		
	5.2.2 Kesan negatif		
5.3	Tanggapan dan nilai persepsi	78	
	5.3.1 Tanggapan di kalangan penuntut UiTM		
	5.3.2 Tanggapan di kalangan warga kerja UiTM		

SINOPSIS

Mutakhir ini polemik demi polemik (perbahasan, perdebatan) berhubung isu keruntuhan akhlak remaja di negara kita semakin hangat diperkatakan. Budaya berpeleseran, hedonisme, vandalisme sehingga kepada peniruan cara berpakaian yang kebaratan menjadi topik perbualan di kalangan masyarakat. Cara berpakaian yang ditiru daripada barat telah dianggap sebagai satu ancaman kepada penyerapan dan pengukuhan Islam dan jatidiri budaya tempatan.

Sebagai contoh, pemakaian seluar *jeans* yang semakin mendapat tempat di kalangan remaja tempatan telah menimbulkan pelbagai andaian dan tafsiran berhubung dengan akhlak dan tingkah laku kepada pemakainya. Namun begitu, budaya pemakaian seluar *jeans* ini bukan sahaja melibatkan golongan remaja yang telah menamatkan alam persekolahan malah telah menjadi satu budaya yang semakin diterima dan mendapat tempat di kalangan mahasiswa dan mahasiswi di universiti tempatan tidak terkecuali di Universiti Teknologi MARA Kampus Alor Gajah, Melaka sendiri.

Menyedari hakikat ini, penulis berasa terpanggil untuk mendekati dan mencari jawapan serta permasalahan yang timbul berkaitan sejauh mana pemakaian seluar *jeans* telah menjadi satu budaya di kalangan penuntut universiti tempatan khususnya di Universiti Teknologi MARA Kampus Alor Gajah, Melaka. Selain itu, penulis juga ingin mengetahui sejauh mana pembudayaan pemakaian seluar *jeans* ini boleh memberikan kesan ke atas peraturan dan undang-undang berhubung aspek sahsiah rupa diri pelajar UiTM yang telah dikuatkuasakan selama ini.

Di dalam kajian ini, penulis juga ingin mengenalpasti kesan pembudayaan pemakaian seluar *jeans* di UiTM Kampus Alor Gajah, Melaka dari sudut pandangan dan nilai persepsi di kalangan semua pihak seperti penuntut siswa dan siswi UiTM sendiri selain pihak pentadbiran, warga kerja UiTM, tokoh tertentu, warga pensyarah, unit keselamatan, ibu bapa serta masyarakat luar yang berhampiran. Di samping itu, penulis juga ingin mendapatkan kepastian sejauh mana benarnya pembudayaan pemakaian seluar *jeans* ini memberikan kesan sampingan ke atas kesihatan pemakainya.